

e-BULETIN HASiL

**SELAMAT MENYAMBUT
HARI KEBANGSAAN DAN HARI MALAYSIA**

TERIMA KASIH, WIRA MALAYSIA !



1. DUTI SETEM

Duti setem adalah duti yang dikenakan ke atas dokumen/surat cara di bawah Jadual Pertama, Akta Setem 1949 yang mempunyai kesan perundangan, komersial atau kewangan.

Jenis duti adalah terbahagi kepada dua (2) iaitu :

- a) Kadar **Tetap** : Dikenakan tanpa ada kaitan dengan balasan atau amaun yang dinyatakan dalam dokumen/surat cara, dan
- b) Kadar **Ad Valorem** : Dikenakan berdasarkan balasan dinyatakan dalam dokumen/surat cara atau nilai pasaran.

Tempoh penyeteman adalah :

- a) Dalam tempoh **30 hari dari tarikh ia disempurnakan/ditandatangani** dalam Malaysia, atau
- b) Dalam tempoh **30 hari selepas ia pertama kali diterima dalam Malaysia** sekiranya ia disempurnakan di luar Malaysia.

Terdapat pengecualian dan relif yang diberikan di bawah peruntukan Akta Setem 1949. Bagi tujuan tuntutan, pembayar duti perlu mengetahui perbezaan antara pengecualian yang diberikan.

Secara amnya, pengecualian duti setem terbahagi kepada :

- a) Pengecualian Am dan Khusus
 - Surat cara yang layak diberikan pengecualian di bawah Seksyen 35 Akta Setem 1949, disenaraikan di bawah Jadual Pertama Akta yang sama di bawah tajuk "**Pengecualian Am**", dan
 - **Pengecualian Khusus** pula diberikan kepada surat cara yang tersenarai di bawah tajuk "Pengecualian" di bawah butiran 2, 4, 23, 24, 32, 49 dan 58 Jadual Pertama Akta Setem 1949;
- b) **Lain-lain Pengecualian** adalah di bawah Seksyen 80 Akta Setem 1949 yang diberikan oleh Menteri Kewangan. Pembayar duti perlu menyatakan rujukan warta atau mengemukakan/melampirkan surat pengecualian/peremitan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan semasa membuat permohonan penyeteman atau adjudikasi; dan
- c) **Peremitan** yang merupakan sebahagian daripada pengecualian di mana amaun duti sebenar dikurangkan kepada suatu kadar yang diluluskan oleh Menteri Kewangan di bawah Seksyen 80, Akta Setem 1949.

Maklumat lanjut berhubung duti setem boleh didapati di Portal Rasmi HASiL, www.hasil.gov.my > Perkhidmatan > Duti Setem.

2. EDUZONE

Eduzone – Gerbang Pendidikan Percukaian Anda merupakan sumber rujukan bagi mendapatkan bahan-bahan yang berkaitan program kesedaran dan pendidikan cukai. Ia juga mengandungi bahan publisiti yang dipaparkan di media massa dan media sosial HASiL.

Eduzone boleh dilayari di Portal Rasmi HASiL, www.hasil.gov.my di bawah menu Pautan Popular.

3. STAMPS

Stamp Assessment and Payment System (STAMPS) merupakan sistem taksiran dan pembayaran duti setem yang dibangunkan bagi membolehkan proses penyeteman dibuat secara dalam talian. Duti setem secara Mesin Franking dan Setem Hasil akan digantikan dengan cetakan resit/ sijil setem yang dijana oleh sistem ini.

Penggunaan STAMPS amatlah digalakkan kerana ia mudah dicapai pada setiap masa, menjimatkan masa memproses surat cara/dokumen, dan proses penyeteman dan penyimpanan data lebih sistematik.

Permohonan melalui STAMPS dibenarkan kepada pengguna berdaftar sahaja. Penggunaan STAMPS adalah dikhkususkan kepada :

- a) Firma Guaman
- b) Bank
- c) Syarikat Insurans
- d) Syarikat / Lain-lain Ejen Berdaftar

Kaedah pembayaran duti :

- a) Secara Manual : Di kaunter Pejabat Setem atau Pusat Khidmat Hasil secara tunai, setem hasil (tidak melebihi nilai RM500.00), kiriman wang, wang pos, cek anak guam atau bank draft;
- b) Secara Dalam Talian (FPX dan Perbankan Internet)

STAMPS boleh diakses melalui MyTax di pautan : <https://mytax.hasil.gov.my/> > Perkhidmatan ezHasil > STAMPS.

4. EKONOMI DIGITAL

Ekonomi digital merujuk kepada aktiviti ekonomi berdasarkan penggunaan teknologi digital. Sebarang transaksi perdagangan yang dijalankan menerusi teknologi digital dianggap sebagai ekonomi digital walaupun pembayaran dan penghantaran berkaitan transaksi tersebut dilakukan secara fizikal. Individu atau syarikat yang menjalankan perniagaan digital dikenakan cukai pendapatan di Malaysia berdasarkan Akta Cukai Pendapatan 1967.

Contoh perniagaan digital adalah :

- a) Peruncitan : *dropship*, ejen, stokis dll.
- b) Perkhidmatan Kewangan : bank, gerbang bayaran, matawang *crypto*, kad kredit/debit, kad kesetiaan (*loyalty*), keahlian, dll.
- c) Pendidikan : buku elektronik, tutor dalam talian, tutorial dalam talian, dll.
- d) Penjagaan kesihatan : penjualan produk penjagaan kesihatan
- e) Pengiklanan : *Blogger*, *Instafamous*, *Youtuber*, *Live Streamers*

Maklumat lanjut berhubung percukaian bagi perniagaan digital boleh diperoleh daripada Sepintas e-Buku Hasil melalui pautan MyTax, <https://mytax.hasil.gov.my/>.

WASPADA DENGAN SCAMMER :

PEMBAYAR CUKAI DISARANKAN UNTUK TIDAK MEMBERIKAN MAKLUMAT PERIBADI SEPERTI NOMBOR KAD PENGENALAN, NOMBOR AKAUN BANK ATAU NOMBOR OTP (ONE-TIME PASSWORD) KEPADA PIHAK YANG TIDAK DIKENALI. SILA RUJUK DENGAN HASIL BAGI URUSAN PERCUAIAN ANDA.

BERHATI-HATI DAN JANGAN TERPEDAYA.